

MB arah **siasatan segera**

Kenal pasti punca sebenar sungai kering yang didakwa akibat pembalakan

■ ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaacob mengarahkan agensi kerajaan berkaitan supaya menyiasat laporan media mengenai aktiviti pembalakan di Ulu Tembeling, Jerantut yang didakwa menyebabkan sungai kering.

Beliau berkata, pihaknya tidak menafikan kewujudan aktiviti pertanian dan projek pembinaan hidroelektrik di Jelai dan Tekal.

Menurutnya, kerajaan akan meminta laporan penuh daripada bahagian teknikal agensi terbabit.

"Laporan itu penting untuk kita tahu punca sebenar yang menyebabkan sungai kering.

"Semua projek itu adalah satu keperluan tapi perlu imbangkan supaya kawasan tadahan air ti-

dak terjejas," katanya pada sidang media Kejohanan Golf Amal Pasukan Menteri Besar melawan bekas pelajar Sekolah Menengah Sains Sultan Ahmad Shah, di Mahkota Golf Country Club di sini, semalam.

Adnan turut menyampaikan sumbangan berjumlah RM150,000 kepada pemain golf negara, Mohd Sha'ban Hussin yang kemalangan, 31 Mac lalu.

Jumaat lalu, Sungai Pahang dilaporkan kering akibat aktiviti pembalakan tidak terkawal.

Dalam pada itu, Adnan berkata, Yayasan Pahang (YP) akan memberi sumbangan *one off* berjumlah RM4,000 kepada 150 pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Kampus Gombak yang kurang berkemampuan.



Adnan (kiri) menyampaikan replika cek sumbangan untuk Mohd Sha'ban yang terlibat dalam kemalangan 31 Mac lalu kepada adiknya, Muhammad Akhir (tengah) semalam.